



**CERAMAH
ARIF BUDIMAN 8**

Bahasa, Pemikiran
dan Budaya Melayu
dari Perspektif Negara K-Pop

*22 September 2012
Pusat Bahasa Melayu
Singapura*



**PROFESOR DR. CHUN
TAI-HYUN**



BIOGRAFI

Prof. Chun Tai-Hyun bertugas di Jabatan Terjemahan dan Alih Bahasa Melayu-Indonesia Hankuk Foreign Studies University. Beliau meraih ijazah sarjana muda pada tahun 1977 dari universiti tersebut Pada tahun 1982, beliau meraih ijazah sarjana dari universiti yang sama. Pada tahun 1998, beliau meraih ijazah doktor falsafah dari Universiti Malaya.

Beliau pernah menyandang jawatan sebagai dekan di Kolej Alih Bahasa dan Terjemahan di Hankuk Foreign Studies University dari tahun 2008-2010. Kemudian beliau bertugas sebagai dekan di Kolej Pendidikan Bahasa Asing di universiti yang sama. Dari tahun 1999 hingga 2000, beliau bertugas sebagai Profesor Tamu di University of Alabama di Amerika Syarikat. Sehingga sekarang, beliau menyandang tugas sebagai Profesor Madya di Hankuk Foreign Studies University. Prof. Chun telah menerbitkan banyak buku termasuklah terjemahan buku A. Samad Said yang berjudul 68 Soneta Pohon Ginkgo ke bahasa Korea dan Kamus Istilah Pertanian Bahasa Cia-Cia (2011).



BAHASA, PEMIKIRAN DAN BUDAYA MELAYU DARI PERSPEKTIF NEGARA K-POP¹

Profesor Dr. Chun Tai-Hyun

Universiti Pengajian Asing Hankuk, Korea Selatan

Pendahuluan

Korea Selatan dikenali sebagai negara penghasil muzik pop, iaitu K-Pop (Korean Pop Music). Budaya moden muzik pop Korea ini bermula sejak pertengahan tahun 90-an dan berjaya menyentuh perasaan peminat muzik terutamanya di Jepun dan China. Bertitik tolak dari situ, pengaruh K-Pop ini semakin meluas ke negara-negara di Asia Tenggara, Eropah, Amerika Syarikat, Amerika Selatan dan negara-negara di Timur Tengah. Hasil dari industri hiburan ini dapat membantu dalam peningkatan ekonomi Korea Selatan. Selain dari itu, generasi muda di Korea Selatan dapat menikmati budaya K-Pop yang dianggap sebagai salah satu cara memotivasikan diri dalam kehidupan seharian mereka.

Akan tetapi menurut indeks FFP (*The Fund for Peace*) tahun 2012, negara Korea Utara tercatat sebagai negara yang gagal dan ditempatkan di tangga ke-22 kerana kemiskinan dan penurunan darjah pertumbuhan ekonomi. Korea Selatan menduduki tangga ke-156 antara 177 negara di dunia. Negara K-Pop ini tidak digolongkan sebagai negara gagal. Ini adalah kerana budaya K-Pop yang menaikkan taraf kedudukan yang baik lantas negara yang mempunyai hasil kreativiti, bebas dan toleransi yang tinggi terhadap masyarakatnya. Hal ini jelas menunjukkan perbezaan di antara kedua buah negara Korea ini.

Sewaktu merdeka pada tahun 1945, keadaan kedua-dua negara Korea tidaklah begitu berbeza. Sebelum tahun 1988, ketika Sukan Olimpik Musim Panas diselenggarakan di Seoul, Korea Selatan, nama negara Korea hanya dikenali sebagai negara yang pernah berperang saudara yang dahsyat. Bahkan, persekitaran kedua-dua negara Korea sangat merbahaya dan sentiasa dalam

¹ Makalah ini berdasarkan gagasan penulis yang telah dibentangkan sebelumnya, iaitu Chun Tai Hyun (2001), (2004), (2007) dan (2008).



perselisihan dan konfrontasi. Saat ini kedua-dua pihak Utara dan Selatan menjadi negara yang sangat berbeza dalam segala bidang, termasuk sistem politik, sosial, dan ekonomi. Walau bagaimanapun dari segi bahasa dan budaya tidak banyak berbeza malah dianggap sama. Oleh hal yang demikian, kerap berlaku kesilapan dalam membezakan kedua-dua Korea di arena antarabangsa. Hal ini jelas di mana, semasa Sukan Olimpik London, telah berlaku kesilapan menaikkan bendera kebangsaan kedua-dua negara.

Lebih enam dasawarsa telah berlalu selepas peperangan di Semenanjung Korea, keadaan masyarakat kedua-dua negara Korea telah berubah. Pengaruh K-Pop membanjir di Selatan sedangkan tiada budaya yang sama di Utara. Pensejarahan bangsa Korea diteruskan sehingga kini. Berhubung dengan fakta tersebut, makalah ini sepintas lalu menyerot latar belakang penubuhan negara Korea Selatan atau negara K-Pop. Oleh yang demikian makalah ini meninjau beberapa masalah di sebalik budaya K-Pop terhadap bahasa dan budaya Korea secara khasnya. Sorotan ini dapat menjadi rujukan bagi masyarakat bahasa Melayu secara amnya.

Luka Sejarah Negara K-Pop

Tiada seorang pun yang tahu secara pasti sejak bila bangsa purba Korea mula menghuni 한반도 (Hanbando, Han bermakna Korea dan bando ialah semenanjung) atau Semenanjung Korea. Begitu juga sejak bila bangsa Korea mula menggunakan bahasa Korea. Walau bagaimanapun, apa yang pasti ialah selepas Perang Dunia Kedua, tepatnya pada tahun 1948, dua buah negara, iaitu 대한민국 (*The Republic of Korea*, ROK) dan 조선민주주의인민공화국 (*Democratic People's Republic of Korea*, DPRK masing-masing ditubuhkan di Hanbando. Kedua-dua negara tersebut, iaitu ROK dan DPRK biasanya disebut 한국 (Negara Han) atau Korea Selatan dan 북조선 (Chosun Utara) atau Korea Utara.

Wujudnya kedua-dua negara Korea di Hanbando pada tahun 1948 menjadi punca pertarungan kekuasaan di antara negara-negara raksasa, iaitu Uni Soviet (nama negara Rusia pada masa itu) dan Amerika Syarikat. Tentu sahaja sejak zaman dahulu, kedudukan geografi Hanbando yang sangat strategik di Asia



Timur sentiasa menjadi gelanggang pertarungan yang mengerikan antara negara-negara jiran seperti Jepun, China dan Rusia. Oleh itu, bangsa Korea sering terjebak dalam kancah perebutan kuasa. Adakalanya dijajah dan menjadi koloni negara lain. Malahan bangsa Korea hampir kehilangan identiti bangsa.

Sebenarnya **육이오**(Yuk-I-O)² atau biasa dipanggil Perang Korea pada tahun 1950 telah menyebabkan Hanbando terbahagi kepada dua buah negara Korea, **한국** dan **북조선**. Dalam peperangan di Hanbando, 25 buah negara terlibat dan bertempur dan jumlah yang terkorban melebihi 3 juta orang (termasuk orang awam). Sebenarnya Yuk-I-O ialah akibat yang mengerikan daripada puncak Perang Dingin. Selepas perang itu, Korea Utara tetap menjadi negara yang menganut ideologi komunis sedangkan Korea Selatan berkembang menjadi negara yang bebas dan demokratik. Kegetiran luka sejarah bangsa Korea pernah digubah oleh sasterawan negara Malaysia, A. Samad Said dalam sebuah soneta yang berbunyi:

Luka Sejarah³

Masih tergeleng gingko yang indah
 Wangi warisan bermusim syahdu.
 Aneka pepohon gigil berwarna
 Membisik hajat yang tetap satu.
 Cekau dawai sepanjang jalan
 Jerit pili tersangat rahsia
 Sejauh ini retak terkilan
 Pulu berdarah kitab sejarah.
 Bukan senja saja yang ditanya
 Malam dan pagi sama diganggu;
 Luka dan sesal seakar bangsa
 Cuba dibebat sesanggup qalbu.
 Takkan sihat Korea terbelah
 Tanpa mengubati luka sejarah.

² Yuk-I-O ialah sebutan angka 625 dalam bahasa Korea, iaitu tarikh pecah perang, 25hb Jun. Yuk-I-O kerap digunakan sebagai nama peperangan tersebut.

³ A. Samad Said (2007, 55).



Demikian pula kesengsaraan hidup warga Korea pada masa Perang Korea pernah tercatat dengan teliti dan saksama dalam karya sasterawan agung Mochtar Lubis seperti berikut⁴:

Sepanjang jalan udara juga penuh dengan bau, semacam bau yang amis dan membongkar perut. Kebun-kebun orang Korea memakai pupuk dari kotoran manusia. Dan sepanjang jalan itu banyak kebun sayur. Bayangkanlah baunya! Saya rasa kalau lama-lama tinggal di Korea, maka bau itu akan melekat ke badan, dan tidak akan bisa hilang dengan sabun⁵.

Serdadu muda dari Texas itu menceritakan, bahwa orang Korea juga bau sekali tubuhnya. Oleh karena itu tidak bisa jatuh cinta pada perempuan-perempuan Korea, katanya berseloroh. Mereka hanya mandi 3 kali, dia meneruskan ceritanya, sekali ketika dilahirkan, kemudian sekali lagi ketika akan kawin. Dan berakhir kali ketika mereka mati. Ini saya rasa agak berlebih-lebihan. Tetapi dibandingkan dengan orang Jepang, umpamanya, maka memang orang Korea ini jauh lebih kotor.⁶

Catatan tersebut menggambarkan dengan nyata bahawa negara Korea di tahun 1950-an merupakan negara pertanian yang sangat miskin dan terbelakang. Sewaktu baru merdeka dari penjajahan Jepun pada tahun 1945, pertanian merupakan sektor yang paling utama kepada ekonomi negara Korea. Dari segi guna tenaga, sumbangan sektor pertanian mencapai 78.9 peratus pada tahun 1961. Akan tetapi sumbangan sektor pertanian tersebut berkurang daripada 15.5 peratus pada tahun 1992 kepada 2.5 peratus pada tahun 2008. Data tersebut memberi implikasi bahawa proses industrialisasi Korea Selatan adalah yang sangat dramatik. Korea Selatan kini dikenali sebagai negara industri baru dan ekonomi yang kukuh serta negara pengeksport yang utama di dunia. Daripada sebuah negara pertanian yang sangat miskin dan mengalami kesengsaraan akibat perang yang begitu dahsyat, Korea Selatan mampu berjaya menampilkan

⁴ Mochtar Lubis. (2010:27).

⁵ Mochtar Lubis. (2010:27).

⁶ Mochtar Lubis. (2010:28).



diri di arena antarabangsa sebagai negara yang mempunyai kedudukan ekonomi keempat di Asia malah dikenali sebagai negara K-Pop yang terkenal di kebanyakan negara di dunia.

Kenyataan di Sebalik Kedinamikan K-Pop

1. Kepopularan K-POP dan Teknologi Maklumat

K-Pop adalah istilah yang merujuk sebagai aliran muzik popular Korea Selatan. Aliran muzik ini mula-mula digemari dalam kalangan remaja Korea sejak pertengahan tahun 1990-an, kemudian sejak awal tahun-tahun 2000-an. Ia telah berjaya merentas sempadan usia, bangsa dan negara. Berhubung dengan fenomena ini, sebuah berita di kawasan Asia Tenggara memberitakan:

Setelah bintang senior menerusi drama-drama hebat mencetuskan fenomena Korean Wave atau Ombak Korea di Asia, artis-artis muda ini pula memperkukuhkan status itu malah memperluaskan wabak K-Pop merentasi benua sehingga ke Amerika Syarikat dan Eropah. (Arkib Utusan Online, 14/05/2011)

Memang benar bahawa muzik adalah bahasa antarabangsa. Muzik K-Pop ini telah menjadi alat bagi para penggemar di seluruh dunia untuk berkomunikasi di antara satu sama lain. K-Pop merupakan alat berkomunikasi dalam kalangan penggemar K-Pop baik di dalam mahupun di luar negara Korea. Budaya popular yang berasal dari Korea Selatan lebih 20 tahun yang lalu ini sudah mula menjadi ikon budaya popular dalam kalangan remaja di dunia antarabangsa.

Menurut sebuah berita dari kawasan Asia Tenggara, budaya K-Pop telah menjadi sebuah isu terpenting belakangan ini. Ia memberitakan bahawa K-Pop patut dijadikan contoh dari segi perkembangan budaya popular yang berkesantunan di kawasan Asia Tenggara. Dikatakan bahawa pelbagai cara teknologi maklumat perlu digunakan untuk memperkenalkan kebaikan budaya Melayu ke dunia antarabangsa sebagaimana dilakukan dalam kes budaya K-Pop.



K-Pop adalah sejenis genre muzik menggabungkan unsur tarian, elektronik, hip hop dan R & B yang berasal dari Korea Selatan. Namun kita dapat lihat ini bukan lagi sekadar muzik, seakan menjadi budaya popular dalam kalangan remaja di seluruh dunia.

Tetapi apakah yang membuatkan K-Pop begitu popular sehingga dikenali di seluruh dunia sejak akhir-akhir ini? Tentu sekali dengan bantuan Internet. Kewujudan peminat Facebook, profil Twitter dan video dan video muzik di YouTube membolehkan K-Pop tersebut dikenali lebih ramai pendengar, mencetus anjakan besar dalam populariti genre itu.⁷

Teknologi maklumat atau IT masa kini berperanan sangat penting dalam pembinaan kebudayaan dan kesenian di Korea Selatan. Negara K-Pop ini memang merupakan salah satu negara yang termaju dalam bidang industri IT. Kemajuan IT ini menyebabkan perubahan strategi perdagangan muzik di Korea Selatan. Irama, lirik, gaya serta imej artis harus diubahsuaikan sesuai dengan alat-alat IT yang canggih. Penampilan dan keterampilan artis di zaman IT ini harus lebih sempurna daripada zaman sebelumnya. Oleh sebab itu calon artis K-Pop perlu dilatih berbulan-bulan bahkan bertahun-tahun untuk menyempurnakan keterampilan menyanyi, menari dan kemampuan bahasa asing. Kebanyakan artis K-Pop mahir pelbagai bahasa, terutama bahasa Inggeris. Misalnya, penyanyi solo wanita BoA yang terkenal dengan Ratu K-Pop mahir berbahasa Jepun mahupun bahasa Inggeris. Kemampuan berbahasa asing tersebut menjadi satu kebaikan untuk memperkenalkan diri lebih jelas dan saksama kepada para peminatnya. Dengan demikian hubungan artis K-Pop dengan peminatnya menjadi lebih dekat. Pendekatan ini malah dibantu oleh IT, seperti Layanan Jaringan Sosial atau SNS, iaitu Twitter, Youtube dan facebook. Berkat penggunaan IT tersebut, kepopularan artis berkenaan menjadi lebih terkenal dan mendekat dengan para peminatnya. Strategi ini berjaya bukan hanya di Asia Tenggara tetapi juga di dunia Barat.

⁷ <http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/ada-apa-dengan-k-pop-1.60538>



2. K-POP sebagai Hasil Latihan dan Pelaburan

Untuk menjadi artis K-Pop sebenarnya tidak semudah kita ketahui. Bakat dan keterampilan yang cemerlang serta penampilan wajah yang jelita bukanlah syarat mutlak bagi artis K-Pop. Yang paling diutamakan agensi hiburan K-Pop adalah latihan yang intensif dan pelaburan wang yang besar.

Setiap agensi K-Pop mengutamakan latihan yang luar biasa padat dan keras bagi calon artis untuk menghasilkan produk yang lebih baik dan mampu bersaing. Latihan tersebut pada kenyataannya lebih hebat dan kuat sebagaimana yang diberitakan seperti di bawah:

Tetapi kejayaan hebat mereka ini bukan kerana tuah. Jangan terkejut kalau diberitahu yang artis K-Pop ini bukanlah muncul begitu sahaja tetapi dibentuk sejak awal. Agensi bakat Korea akan mengambil beberapa pelatih sebelum membentuk karier mereka. ...Dalam tempoh dua tahun atau lebih, pelatih akan menjalani latihan suara, mempelajari tarian profesional, membentuk tubuh badan melalui senaman dan mempelajari beberapa bahasa dan semua ini dibuat semasa sedang di bangku sekolah lagi....Tidak hairanlah kalau produk Korea ini sangat berjaya kerana pelaburan setinggi AS\$400,000 (RM1.2 juta) dikeluarkan untuk melatih dan melahirkan seseorang artis baru.⁸

Hal tersebut sebenarnya berkaitan dengan suasana masyarakat Korea Selatan yang mengutamakan pendidikan sebagai daya penggerak kemajuan negara. Secara tradisional, kebanyakan ibu bapa di Korea Selatan menganggap bahawa pendidikan ialah pelaburan yang terpenting dalam menentukan masa depan anaknya. Hasrat ibu bapa tersebut terkadang menyebabkan persaingan yang terlalu sengit di masyarakat Korea, namun suasana seperti ini membuat Korea Selatan sebagai negara yang unggul di bidang pembangunan modal insan.

South Korea has been ranked the world's 15th best country by U.S. magazine Newsweek, which cited its high level of education and strong

⁸ <http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/ada-apa-dengan-k-pop-1.60538>



*economic dynamism. In Asia, Korea was rated as the second best country after Japan, which ranked ninth worldwide.*⁹

Menurut berita tersebut, Korea Selatan ialah negara yang mempunyai kelebihan di bidang pendidikan dan perekonomian yang dinamik dengan menduduki peringkat ke-15 di seluruh dunia. Dalam hal ini perlu diingat bahawa Korea Selatan ialah negara yang sangat kurang dengan sumber semula jadi. Apatah lagi untuk mengatasi kehancuran dan kemiskinan yang dahsyat akibat peperangan Yuk-I-O. Pendidikan berperanan yang sangat penting untuk membangun Korea Selatan sebagai sebuah negara yang dinamik. Pendidikan dapat mengubah sikap dan kaedah pemikiran, bahkan budaya rakyat Korea Selatan. Suasana seperti ini agaknya diteruskan dalam kalangan agensi K-Pop.

Berhubung dengan fenomena tersebut terdapat pelbagai pandangan pro dan kontra. Antaranya ada yang berpandangan bahawa amalan dan sikap agensi hiburan Korea masa kini terlalu komersial atau mencari keuntungannya saja. Ada yang mendakwa bahawa artis-artis remaja K-Pop digunakan hanya untuk tujuan komersil agensi K-Pop.

Tentu saja suasana dunia hiburan di Korea Selatan tidak secantik wajah idola K-Pop. Seandainya ciptaan mereka tidak memenuhi citarasa peminatnya, maka syarikat tersebut harus menanggung kerugian yang luar biasa dan mungkin bangkrap. Oleh itu mereka sentiasa berusaha semaksimum mungkin untuk mengeluarkan produk terbaik di pasaran antarabangsa. Dengan kata lain setiap agensi hiburan Korea sentiasa belajar dan berupaya untuk mencari sesuatu yang baru serta yang unik, yang berbeza dengan yang lama. K-Pop ialah hasil pelaburan dan latihan berdasarkan pendidikan artis berperingkat antarabangsa.

3. Lirik Lagu K-Pop dan Bahasa Campuran

Pertumbuhan ekonomi Korea Selatan terbukti ketara dalam pelbagai bidang. Salah satu bidang yang menyolok ialah pengaruh budaya kontemporer Korea yang lazim disebut **한류** *Hallyu* atau ‘Ombak Budaya Korea’ (OBK). OBK

⁹ http://www.koreatimes.co.kr/www/news/nation/2010/08/117_71588.html



secara mengejutkan mampu menarik perhatian dunia dalam jangka masa yang sangat singkat. Generasi muda Korea masa kini sedang merasai nikmat status negara maju dengan wujudnya OBK di dunia antarabangsa. Namun di sisi lain, terdapat perkara yang harus diperhatikan, iaitu nilai-nilai dan pandangan kehidupan generasi muda yang sepatutnya mengusung identiti bangsa Korea secara utuh.

Dari sekian banyak butir budaya dalam OBK, K-Pop merupakan salah satu butir yang paling menarik dan mendapat perhatian besar daripada bangsa lain. K-Pop menampilkan generasi muda Korea sebagai insan yang energik, dinamik, kreatif dan menarik melalui kumpulan *boyband* dan *girlband*. *Boyband* dan *girlband* ini tidak hanya dikemas dalam penampilan dan tarian yang lincah dan menarik, tetapi juga lirik dan irama lagu mereka yang mudah dihafal peminatnya. Tidak hairanlah jika K-Pop dapat menarik jutaan penggemar di seluruh dunia, khususnya dari kalangan generasi muda. Namun demikian, dalam ombak kepopularan K-Pop tersebut wujud satu hal yang perlu difikirkan, iaitu lirik lagu yang cenderung tidak menggunakan bahasa Korea yang sejati.

Jika memperhatikan lirik lagu K-Pop, maka terdapat kebanyakan pencipta lirik lagu K-Pop cenderung mencampurbaurkan ayat-ayat dalam bahasa Inggeris dengan bahasa Korea. Pihak agensi hiburan menjelaskan bahawa penggunaan bahasa Inggeris ialah salah satu cara untuk mengantarabangsakan lagu tersebut. Akan tetapi, penggunaan bahasa campuran ini perlu diperhatikan dari segi pemeliharaan jati diri dan nilai-nilai dan pandangan kehidupan generasi muda.

Memandangkan cogan kata bahawa bahasa jiwa bangsa, penggunaan bahasa campuran dalam lirik K-Pop ialah suatu gejala yang dapat diprihatinkan. Malah dapat dianggap sebagai tindakan generasi muda yang tidak ada rasa kebanggaan terhadap bahasa, negara dan bangsa. Ada kemungkinan pula wujud pendapat bahawa semakin banyaknya penggunaan bahasa campuran dapat mengakibatkan semakin kaburnya jati diri generasi muda sebagai bangsa Korea.

Akan tetapi, perkara tersebut perlu juga diperhatikan dari segi kedinamikan budaya generasi muda di negara K-Pop. Demikian pula fenomena tersebut ialah



hasil pertembungan budaya Korea dengan budaya Barat.

Berikut adalah salah satu contoh lirik lagu K-Pop yang sangat terkenal. Lagu ini dibawakan oleh *girlband Wonder Girls* dengan judul lagu “*Nobody*”. Judul ini pula diciptakan dalam bahasa Inggris.

NOBODY -Wonder Girls-

You know I still love you baby
And it will never change.

I want nobody nobody But you
I want nobody nobody But you
난 다른 사람이 싫어 니가 아니면 싫어.
I want nobody, nobody, nobody, nobody

난 싫은데 왜 날 밀어내려고 하니
자꾸 내 말은 듣지 않고
왜 이렇게 다른 남자에게 날 보내려 하니
어떻게 이러니

날 위해 그렇단 그 말
넌 부족하다는 그 말
이젠 그만해 넌 나를 알잖아
왜 원하지도 않는 걸 강요해.
***(2)

난 좋은데 난 행복한데
너만 있으면 돼 더 바랄게 없는데
누굴 만나서 행복하란 거야
난 널 떠나서 행복할 수 없어

날 위해 그렇단 그 말
넌 부족하다는 그 말
말이 안 되는 말이란 걸 왜 몰라
니가 없이 어떻게 행복해
***(2)

I don't want nobody, body, body
I don't want nobody, body, body
나는 정말 니가 아니면
니가 아니면 싫단 말이야 아~
***(2)

Back to the days when we were
so young and wild and free.
모든 게 너무나 꿈만 같았던
그 때로 돌아가고 싶은데
왜 자꾸 날 밀어내려 해
Why do you push me away?
I don't want nobody, nobody
Nobody nobody but you.

NOBODY -Wonder Girls-

You know I still love you baby.
And it will never change.

I want nobody, nobody but you.
I want nobody, nobody but you.
Tiada ku mahu oranglain, kecuali kamu.
I want nobody, nobody, nobody, nobody.

Tiada ku mahu, tapi kenapa kau cuba
singkirkanku.
Tak pernah dengarku pula.
Kenapa kau cuba memaksaku bersama lelaki
lain.
Kenapa kau begini.

Semua ini demi diriku,
kerana kau tiada mampu.
Usah katakana itu lagi
Kau tahu aku. Kenapa memaksa yang tak
kuinginkan
***(2)

Aku senang, aku bahagia,
cukuplah bersamamu, itu saja.
Dengan siapa lagi aku jadi bahagia.
Tak mungkin bahagia tanpamu.

Semua ini demi diriku
kerana kau tiada mampu
Kaupun tahu itu omong kosong belaka.
Bagaimana aku jadi bahagia tanpamu
***(2)

I don't want nobody, body, body
I don't want nobody, body, body
Kalau bukan kau, kalau bukan kau
aku benar-benar tak mahu.
***(2)

Back to the days when we were
so young and wild and free.
Semua seperti mimpi,
aku ingin kembali ke masa itu lagi.
Kenapa kau cuba singkirkanku.
Why do you push me away?
I don't want nobody, nobody,
nobody, nobody but you.
(Terjemahaan penulis)



Dalam lirik lagu “*Nobody*” di atas terdapat kejanggalan dari segi kebahasaan, iaitu campuran bahasa Inggeris dan bahasa Korea. Baris-baris di awal, tengah dan akhir lagu tersebut terdiri dari klausa atau ayat dalam bahasa Inggeris. Terutama baris ulang “*I don’t want nobody, nobody, nobody, nobody but you*” dalam bahasa Inggeris itu sangat ketara menekankan iramanya. Oleh hal yang demikian secara keseluruhan lagu itu terasa seakan-akan sejenis lagu pop Barat dalam bahasa Inggeris. Sedangkan baris-baris dalam bahasa Korea tidak begitu berkesan. Pendek kata, dari segi kebahasaan lagu tersebut tidaklah jelas asal usulnya: adakah ia lagu Korea atau lagu Barat? Atau lagu universal? Dalam hal ini, perlu kita fikirkan tentang sebab-sebab kepopularan lagu K-Pop tersebut.

Jika mengingat hal kebahasaannya saja, masalah penggunaan “bahasa rojak” dalam lirik K-Pop seperti ditunjukkan di atas memang bukanlah masalah yang remeh. Beberapa kalangan peneliti bahasa sangat memprihatinkan masalah tersebut. Mereka mendakwa bahawa penggunaan bahasa Korea yang tidak santun ini berkaitan erat dengan tidak adanya undang-undang ataupun peraturan rasmi untuk mengekang fenomena seperti itu. Oleh sebab itu, bahasa rojak digunakan sembarangan dalam industri muzik. Adakah dakwaan mereka ini betul?

Pada hakikatnya penggunaan bahasa rojak tersebut berdasarkan strategi pemasaran produksi agensi industri K-Pop. Lazimnya, satu lagu K-Pop hanya mampu bertahan di pasar muzik selama 4 minggu. Terlebih lagi, persaingan dalam industri muzik K-Pop sangat tinggi. Oleh sebab itu, pelbagai cara digunakan agar lagu yang diterbitkan dapat bertahan lebih lama.”¹⁰ Oleh sebab itu, sangat mustahak bagi agensi hiburan untuk membuat lagu-lagu K-Pop terdengar unik agar dapat bertahan lama di pasaran muzik antarabangsa. Penggunaan bahasa rojak dalam lirik K-Pop berpunca daripada sikap agensi hiburan yang lebih memikirkan pulangan wangnya. Itulah dasar pelaburan agensi hiburan.

Akan tetapi kita perlu lihat kesan yang ditimbulkan kepopularan K-Pop di kancan antarabangsa dari segi lain. Kebanyakan orang mulai tertarik pada K-Pop kerana baik tarian dan melodi yang teliti mahupun penampilan penyanyi.

¹⁰ http://news.chosun.com/site/data/html_dir/2011/08/09/2011080902446.html



Keinginan untuk memahami lirik lagu membuat mereka meminati dan akhirnya mempelajari bahasa Korea. Menurut sebuah soal selidik terhadap 524 pelajar asing daripada 65 negara belakangan ini, hampir 60 peratus di antaranya berniat mempelajari bahasa Korea kerana mereka tertarik dengan lagu-lagu K-POP¹¹. Justeru, mereka mahu datang ke negara K-Pop untuk mempelajari bahasa K-Pop dengan lebih mendalam. Dalam hal ini perlu dihuraikan sedikit tentang sejarah dan keadaan penggunaan bahasa campuran atau “bahasa rojak” di negara K-Pop.

4. Bahasa Rojak di Negara K-Pop

Keprihatinan wujudnya bahasa campur seperti di atas bukanlah merupakan perkara yang baharu. Dalam bahasa Korea pula terdapat istilah “Japtangmal”, iaitu bahasa yang bercampur-aduk dengan bahasa asing. Akan tetapi istilah “Japtangmal” tersebut bukanlah istilah yang berasal daripada Korea Selatan.

Dalam tahun-tahun 70-an, ketika Korea Selatan dan Korea Utara bersaing sengit dalam pembangunan ekonomi, pimpinan Korea Utara mula menggunakan istilah tersebut untuk menunjukkan fenomena penyerapan istilah bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris, ke dalam bahasa di Korea Selatan.

Selepas lebih 30 tahun sejak munculnya istilah tersebut, tahun-tahun terakhir ini istilah “Japtangmal” ini muncul kembali dalam kalangan para pencinta bahasa Korea. Istilah tersebut digunakan oleh mereka yang prihatin dengan penggunaan istilah asing, slanga dan bahasa *Internet* yang keterlaluan dalam kalangan generasi muda. Demikian pula mereka membangkang penggunaan kata-kata asing yang bercampur-aduk dengan bahasa Korea dalam media massa, misalnya, siaran TV, akhbar, dan pelbagai iklan. Mereka mendakwa media massa sebagai sarang bertumbuhnya “Japtangmal”. Jika demikian halnya masalah bahasa dalam lirik K-Pop merupakan salah satu masalah bahasa di Korea masa kini. Berhubung dengan perkara ini, perlu diketahui sejarah pengaruh bahasa asing terhadap bahasa Korea sejak zaman pengaruh bahasa Cina hinggalah bahasa Inggeris.

¹¹ Korea times(4 April 2012)



Serbuan bahasa Cina sejak beribu-ribu tahun dahulu memang meninggalkan kesan yang besar sekali terhadap pembinaan dan perkembangan bahasa Korea. “Hanja tetap merupakan sistem tulisan berwibawa dan bertaraf tinggi dalam kalangan masyarakat bahasa Korea” (Ledyard, 1998:60-69). Menurut kajian, lebih 50 peratus kosa kata daripada ratusan ribu perkataan di dalam kamus bahasa Korea berasal daripada bahasa Cina.¹²

Seterusnya selama masa pendudukan Jepun di Korea pengaruh bahasa Jepun secara mendadak menggantikan peranan bahasa Cina di Semenanjung Korea. Kemampuan bahasa Jepun dalam kalangan cendekiawan menjadi simbol kemampuan ilmu ataupun martabat seseorang yang tinggi. Dengan kata lain bahasa Jepun semakin lama menjadi semakin penting berfungsi sebagai sarana masyarakat Korea selama lebih dari tiga dasawarsa.

Demikian pula, tidak lama selepas Korea merdeka daripada kekuasaan Jepun pada tahun 1945, Perang Korea (pada 25 haribulan Jun tahun 1950) telah mengundang pasukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Semenanjung Korea. Jika dilihat dari sudut bahasa, cukup ironi bagaimana perang berdarah yang begitu kejam dapat memberikan satu kesempatan bagi bangsa Korea untuk mengangkat martabat bahasa dan bangsanya sendiri. Bayangkan lebih 3 juta orang terkorban selama masa Perang Korea dalam tempoh hanya dua tiga tahun sahaja (1950- 1953). Apa yang lebih ironi ialah Perang Korea merupakan titik pangkal pertembungan bahasa Korea dengan pelbagai bahasa Barat, khususnya dengan bahasa Inggeris. Kata pinjaman bahasa Inggeris telah diperkenalkan dengan banyaknya di Korea sejak bertahun lamanya. Walaubagaimana pun, bangsa Korea tetap mempertahankan bahasa dan budaya yang sejati hingga masa kini. Bangsa dan bahasa Korea sebenarnya yang lain daripada yang lain. Bahasa Korea merupakan hasil perjuangan leluhurnya. Sedangkan tulisan Korea, Hangeul ialah hasil ciptaan seorang raja yang sangat mencintai rakyat Korea dan merupakan kebanggaan bangsa Korea sejak 566 tahun yang lalu. Dan saat ini gejala budaya K-Pop menjadi isu dalam perkembangan tamadun Korea moden.

¹² Song, Jae Jung (1994: 206).

